



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**AHAD 22 JANUARI 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	BEKALAN AYAM, TELUR KEMBALI NORMAL DALAM MASA TERDEKAT – MAFS, NASIONAL, SH -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	BEKALAN KEMBALI NORMAL DALAM MASA TERDEKAT, NASIONAL, BH AHAD -4	
3.	BEKALAN AYAM, TELUR PULIH DALAM MASA TERDEKAT – MOHAMAD, SEMASA, KOSMO AHAD -6	
4.	BEKALAN TELUR STABIL, TIADA ISU – FLFAM, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -6	
5.	CHICKEN, EGG SUPPLY TO RETURN TO NORMAL FROM THIS MONTH, NEWS, MAKKAL OSAI -6	
6.	CHICKEN, EGG SUPPLY WILL BE BACK TO NORMAL THIS MONTH, SAY PRODUCERS, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -1 & 13	
7.	KELEDEK VARIETI BAHARU, XPRESI, METRO AHAD -36	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Bekalan ayam, telur kembali normal dalam masa terdekat - MAFS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	22 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	4	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,367
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,101



## Bekalan ayam, telur kembali normal dalam masa terdekat - MAFS

**PUTRAJAYA** - Bekalan ayam dan telur akan kembali normal dan mencukupi untuk pasaran tempatan bermula bulan ini.

Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), perkara itu antara jaminan dan komitmen yang diberikan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) ketika pertemuan antara kementerian dengan persatuan itu yang berlangsung pada 19 Jan lepas di Putrajaya.

Pertemuan itu dihadiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu; Ketua Setiausaha MAFS, Datuk Lokman Hakim Ali, pegawai kanan kementerian dan FLFAM yang diketuai Presidennya, Tan Chee Hee.

"Pertemuan ini bertujuan membincangkan Memorandum FLFAM berkaitan isu yang menjejaskan kemampuan dan daya saing industri unggas

khususnya ayam daging dan telur.

"Antara isu yang dibangkitkan meliputi harga kawalan dalam tempoh panjang menyebabkan penternak berdepan kerugian kerana kos pengeluaran terus meningkat.

"Isu lain adalah seperti keperluan meningkatkan produktiviti melalui penternakan secara sistem tertutup, isu aliran tunai dalam kalangan penternak, jangkaan bekalan ayam dan telur serta kos pengeluaran," menurut MAFS.

Jelas MAFS lagi, FLFAM turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan atas usaha dan sokongan dalam mencari penyelesaian yang seimbang tentang masalah yang dihadapi oleh pengguna dan industri di Malaysia berikutan pelbagai cabaran wujud sepanjang proses rantai bekalan makanan di seluruh dunia. - *Bernama*



Jangkaan untuk bekalan ayam dan telur kembali stabil bermula Januari ini sekali gus menamatkan kebimbangan pengguna khasnya pengusaha makanan.

Headline	Bekalan kembali normal dalam masa terdekat		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	22 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	4	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,714



## Bekalan kembali normal dalam masa terdekat

**Putrajaya:** Bekalan ayam dan telur dijangka akan kembali normal dan mencukupi untuk pasaran tempatan bermula bulan ini, menurut Kementerian Pertanian serta Keterjaminan Makanan (MAFS).

MAFS dalam satu kenyataan semalam memaklumkan perkara itu antara jaminan dan komitmen yang diberikan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) ketika pertemuan antara Kementerian dengan persatuan itu yang berlangsung di sini, pada 19 Januari lalu.

Pertemuan itu dihadiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu; Ketua Setiausaha MAFS, Datuk Lokman Hakim Ali serta pegawai kanan Kementerian, manakala FLFAM diketuai Presi-

dennya, Tan Chee Hee.

"Pertemuan ini bertujuan bagi membincangkan Memorandum FLFAM berkaitan isu yang menjejaskan kemampunan dan daya saing industri unggas khususnya ayam daging dan telur.

"Antara isu yang dibangkitkan meliputi harga kawalan dalam tempoh panjang menyebabkan penternak berdepan kerugian kerana kos pengeluaran terus meningkat.

"Isu lain dibangkitkan adalah seperti keperluan meningkatkan produktiviti melalui penternakan secara sistem tertutup, isu aliran tunai dalam kalangan penternak, jangkakan bekalan ayam dan telur serta kos pengeluaran," menurut MAFS.

Menurut MAFS lagi, FLFAM turut menzahirkan penghargaan mereka kepada kerajaan atas

usaha dan sokongan dalam mencari penyelesaian yang seimbang berhubung masalah yang dihadapi oleh pengguna dan industri di Malaysia berikutan pelbagai cabaran yang wujud dalam proses rantaian bekalan makanan di seluruh dunia.

### Komitmed adakan libat urus

"MAFS akan terus komited mengadakan libat urus bersama pemain industri bagi memastikan industri ayam dan telur terus mampan bagi menjamin bekalan makanan sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat," menurut kenyataan itu.

Isu kekurangan ayam dan telur yang mengakibatkan kenaikan harganya menjadi isu besar sejak awal tahun lalu disebabkan pelbagai faktor, antara pe-

nutupan ladang disebabkan kenaikan harga dedak dan kekurangan tenaga kerja ketika penularan COVID-19, selain wabak.

Malah, pelbagai inisiatif diambil kerajaan, termasuk penetapan harga maksimum dan pemberian subsidi kepada penternak tidak dapat menyelesaikan masalah itu sehingga sekarang.

Akibatnya, MAFS memperoleh markah tercorot dalam satu tinjauan pendapat awam seperti didedahkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali ketika sesi pemukiman Jemaah Menteri, baru-baru ini.

Kelmarin, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Kos Sara Hidup (KPDN) menjelaskan jumlah sebenar eksport telur ayam berikutan bekalan domestik masih tidak pulih.

Katanya, penjelasan itu diperlukan kerana ramai yang hairan mengapa bekalan telur eksport tidak bermasalah sedangkan bagi permintaan domestik, ia sering mengalami gangguan.

Bellau berkata, perangkaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menunjukkan kadar pengeluaran telur negara pada 2021 adalah hampir 14 bilion biji, manakala penggunaan hanya 11.16 bilion biji telur.

"Jika pengeluaran 14 bilion biji tetapi penggunaan hanya 11.16 bilion biji, maka seharusnya bekalan kita cukup, bukan kurang," soalnya. BERNAMA



Headline	Bekalan ayam, telur pulih dalam masa terdekat - Mohamad		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	22 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	6	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	344 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,927
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,781



**PENGELUARAN** telur ayam di negara ini akan kembali normal dalam tempoh terdekat selepas pemain industri terbabit memberi jaminan mengenai perkara itu. - GAMBAR HIASAN

## Bekalan ayam, telur pulih dalam masa terdekat – Mohamad

**PETALING JAYA** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memberi jaminan bekalan ayam dan telur kembali normal dan mencukupi dalam masa terdekat.

Menterinya, Mohamad Sabu berkata, ia hasil pertemuan dengan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) Khamis lalu bagi menangani isu ketidakpastian bekalan barangan berkenaan di pasaran ketika ini.

Katanya, pertemuan tersebut diadakan bertujuan membincangkan memorandum FLFAM berkaitan isu-isu yang menjejaskan kemampuan dan daya saing industri unggas khususnya ayam daging dan telur.

“Beberapa isu yang dibangkitkan FLFAM telah dibincangkan bersama, antaranya harga kawalan dalam tempoh yang panjang.

“Ini menyebabkan penternak berhadapan dengan kerugian kerana kos pengeluaran terus meningkat.

“Selain itu, keperluan meningkatkan produktiviti melalui penternakan secara sistem tertutup, isu aliran tunai dalam kalangan penternak dan jangkaan bekalan ayam dan telur serta kos pengeluaran,” katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, dalam pertemuan itu juga, FLFAM telah memberi jaminan kepada MAFS bahawa pengeluaran bekalan ayam dan telur akan normal dan mencuku-

pi untuk pasaran tempatan bermula bulan ini.

Tambah Mohamad, FLFAM turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan atas usaha dan sokongan dalam mencari penyelesaian yang seimbang tentang masalah yang dihadapi oleh pengguna dan industri di Malaysia.

Ia ujanya, berikutan pelbagai cabaran yang wujud dalam proses rantaian bekalan makanan di seluruh dunia.

“MAFS akan terus komited mengadakan libat urus bersama pemain industri bagi memastikan industri ayam dan telur terus mampan bagi menjamin bekalan makanan mencukupi untuk keperluan rakyat,” katanya.



Headline	Bekalan telur stabil, tiada isu - FLFAM		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	22 Jan 2023	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	231,329
Page No	6	Readership	693,987
Language	Malay	ArticleSize	212 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,646
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,938



## Bekalan telur stabil, tiada isu - FLFAM

**PETALING JAYA:** Bekalan telur untuk pasaran domestik masih stabil dan mencukupi untuk menampung keperluan masyarakat menjelang perayaan Tahun Baharu Cina.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee berkata, beliau yakin bekalan telur sudah stabil dan tidak seperti 'keadaan panas' yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu.

Jelasnya, bekalan telur untuk kegunaan dalam negara sudah berjaya diselesaikan dengan kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan masyarakat tidak terputus bahan tersebut.

"Sekarang bekalan telur ayam sudah stabil, jadi apa lagi isunya? Semasa Tahun Baharu Cina ini, kita memang nampak bekalan itu ada, saya tidak nampak ada orang buat aduan ketiadaan telur.

"Sebelum ini kerajaan juga sudah mengatakan bahawa bekalan telur sudah stabil dan cukup dengan bantuan pengimportan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia*.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mendedahkan jumlah

sebenarnya eksport telur kerana bekalan domestik masih tidak diselesaikan.

Wan Saiful berkata demikian bagi mengulas kenyataan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh yang memaklumkan isu kekurangan telur ayam terjadi kerana kekurangan baka ayam penelur, namun ia dijangka selesai dalam tempoh dua bulan.

Mengulas lanjut, Jeffrey berkata, perkara ini tidak sepatutnya terus dihangatkan seolah-olah ia tidak mampu diselesaikan dan tiada cara untuk menampung permintaan masyarakat terutama berkaitan penggunaan telur serta ayam.

"Apa yang kita nak pastikan sekarang adalah semua orang dapat makan, inflasi makanan juga tidak terlalu tinggi. Itu hasrat dan matlamat kerajaan.

"Hari itu pun kami ada berjumpa dengan menteri dan FLFAM berjanji bahawa kami akan cuba sedaya upaya untuk memastikan bekalan makanan tersebut cukup untuk menampung permintaan rakyat," katanya.

Tambahnya, sebahagian isu berkaitan telur yang dibangkitkan di sebahagian tempat bukannya berpunca daripada kurang bekalan disalurkan tetapi terdapat masalah-masalah lain seperti logistik.

Headline	Chicken, egg supply to return to normal from this month		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	22 Jan 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	6	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	349 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,284
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,853



## இம்மாதம் தொடங்கி கோழி இறைச்சி - முட்டைகள் போதுமான அளவில் இருக்கும்

புத்ராஜெயா, ஜன. 22- இம்மாதம் தொடங்கி உள்நாட்டுச்சந்தையில் கோழி இறைச்சி, முட்டைகள் போதுமான அளவில் இருக்கும் என விவசாய- உணவு உத்தரவாதத் துறை அமைச்சர் தெரிவித்துள்ளது. இம்மாதம் 19 ஆம் தேதி புத்ரா ஜெயாவில் நடத்தப்பட்ட அமைச்சு-மலேசிய கால்நடை வளர்ப்பாளர்கள் சங்கங்களில் சம்மேளனத் தரப்புடன் பேச்சு வார்த்தையில் இந்த வாக்குறுதி பெறப்பட்டுள்ளது. இந்த கலந்துரையாடலில் விவசாய-உணவு உத்தரவாதத் துறை அமைச்சர் முகமட் சாபு, அமைச்சின் தலைமைச் செயலாளர் டத்தோ லோக்மான் ஹக்கிம் அலி, சம்மேளனத்தின் தலைவர் டான் சீ ஹி உள்ளிட்டோர் கலந்து கொண்டனர். விலைக் கட்டுப்பாடு, கோழி இறைச்சி-முட்டை போன்ற உணவுப் பொருட்களின் விற்பனை, சந்தைப் பாதிப்பு உள்ளிட்ட விவகாரங்கள் தொடர்பிலான சம்மேளனத்தின் மகஜரை கலந்தாலோசிக்க இந்தக் கூட்டம் நடத்தப்பட்டது.

இந்நிலையில் உலகளவில் உணவுப் பொருள் உற்பத்தி சங்கிலியில் பலவிதமான சவால்கள் ஏற்பட்டுள்ளதை அடுத்து மலேசியாவில் தொழில்

துறையினர், வாடிக்கையாளர்கள் எதிர்நோக்கும் பிரச்சினைகளுக்கு ஆக்கபூர்வமான தீர்வினை அடையாளம் காண்பதில் அரசாங்கம் முன்னெடுக்கும் முயற்சிகளுக்கும் ஆதரவுக்கும் சம்மேளனத் தரப்பினர் நன்றி தெரிவித்துள்ளனர் என அமைச்சர் அறிக்கையில் தகவல் உள்ளது. அதே சமயம் மக்கள் தேவைக்கு உணவுப் பொருட்கள் எப்போதும் போதுமான அளவில் இருப்பதை உறுதி செய்யும் வகையில் அமைச்சு கோழி இறைச்சி, முட்டை போன்ற உணவுப் பொருள் வெளியீட்டாளருடன் தொடர்ந்து பேச்சு வார்த்தை நடத்தும் எனவும் தெரிவிக்கப்பட்டுள்ளது.







Headline	Chicken, egg supply will be back to normal this month, say producers		
MediaTitle	Malaysian Nanban (Sunday)		
Date	22 Jan 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	115,000
Page No	1,13	Readership	523,000
Language	Tamil	ArticleSize	253 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,717
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,152



## கோழி-முட்டை தட்டுப்பாடு முடிவுக்கு வருகிறது

கோலாலம்பூர், ஜன. 22-  
இம்மாதம் தொடங்கி  
கோழி மற்றும் முட்டைகளின்  
விநியோகம் மாமூல்  
நிலைக்கு திரும்பியுள்ளது  
என்று கால்நடை பண்ணை  
யாளர்கள் உறுதி கூறியிருப்ப  
தாக விவசாய மற்றும்  
உணவுப் பாதுகாப்புத்துறை  
அமைச்சு தெரிவித்தது.  
கால்நடை  
பண்ணையாளர்கள்  
சங்கத்தின் தலைவர்  
டான் சீ இ அமைச்சர்  
முகமட் சாபுவை



பக்கம்  
**13**



Headline	KELEDEK VARIETI BAHARU		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	22 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Xpresi	Circulation	120,979
Page No	36	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	857 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 33,761
Frequency	Daily	PR Value	RM 101,282

**KAKITANGAN Mardi menuai hasil ubi keledek.**

FOTO: NIK ABDULLAH NIK OMAR



# KELEDEK VARIETI BAHARU

Tempoh matang ubi Lembayung, Bitato lebih cepat iaitu antara 91 hingga 105 hari

produk yang bermutu tinggi.

Jelas Anuar, proses pembajaan dilakukan tiga kali iaitu yang pertama pada minggu ketiga penanaman, kedua pada minggu keenam hingga ketujuh dan baja ketiga pada minggu kesembilan.

Katanya, hasil akan mula dikutip selepas 15 minggu daripada tarikh penanaman dan ia sudah matang serta boleh digunakan untuk menghasilkan pelbagai produk.

"Ubi keledek juga boleh dimakan segar dan turut sesuai diproses menjadi tepung atau pes untuk menghasilkan produk makanan.

"Antara produk makanan yang boleh dikeluarkan berasaskan ubi keledek adalah kerepek, roti dan minuman komposit pracampuran, produk jeli, kuih mulh dan tepung ubi keledek.

"Ia secara tidak langsung membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada petani untuk menjual hasil tanaman mereka dalam bentuk yang berbeza selain memberi lebih banyak pilihan kepada pembeli," katanya.

Sementara itu, Anuar berkata, ubi keledek varieti Lembayung dan Bitato adalah pilihan yang baik untuk ditanam di pantai timur kerana permintaan yang tinggi dan mudah dijual.

Kata Anuar, dengan teknik penanaman yang betul, ia boleh menjadi sumber pendapatan yang baik bagi petani.

Katanya, Mardi komited untuk melaksanakan dan menghasilkan teknologi dan inovasi baharu dari semasa ke semasa.

"Kami turut mengambil langkah yang proaktif iaitu menawarkan pakej mekanisasi iaitu mesin penabur baja organik, mesin pembuat batas, mesin penanam, mesin penabur baja dan kawalan rumpai, penyembur hermotor, mesin pemotong jalur ubi keledek dan mesin penuai.

"Pakej itu mampu membantu meningkatkan lagi produktiviti, menjimat kos buruh dan kos operasi sehingga 50 peratus selain turut membantu meningkatkan skala pengeluaran.

"Bagi memastikan hasil yang lebih optimum kepada petani, Mardi turut menjalin kerjasama erat dengan pelbagai pihak yang berkaitan termasuk jabatan dan agensi di peringkat persekutuan serta negeri," katanya.

## AGRO

Oleh Hidayatidayu Razali  
rencana@hmetro.com.my

Ubi keledek bukan sahaja boleh dimakan begitu sahaja, malah ia juga digunakan dalam pelbagai produk makanan lain.

Tanaman itu juga dikatakan mempunyai khasiat tersendiri dan baik untuk kesihatan selain mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

Bagi memenuhi permintaan pasaran, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) memperkenalkan tanaman ubi keledek varieti baharu, Lembayung dan Bitato.

Pegawai Penyelidik Kanan Mardi Bachok, Anuar Abdullah, berkata, ubi keledek Bitato berkhasiat kerana mempunyai kandungan vitamin A yang tinggi dan rasanya manis.

Katanya, varieti Lembayung pula mempunyai isi warna ungu dan daripada segi kelebihan, ia tinggi kandungan antosianin yang berfungsi sebagai antioksidan di dalam tubuh.

"Kedua-dua ubi keledek ini paling banyak ditanam di pantai timur kerana ia



PEKERJA menunjukkan ubi yang baru dipetik menggunakan mesin pemotong jalur ubi keledek dan mesin penuai.

mendapat permintaan yang tinggi dan mudah dijual.

"Kedua-dua varieti ubi keledek itu ditanam di atas tanah seluas 3,600 hektar di Semenanjung Malaysia. Di Kelantan pula, ia banyak ditanam di sekitar Bachok.

"Selain itu, ubi ini juga turut ditanam di Terengganu dan Perak," katanya kepada Agro.

Menurut Anuar, petani di kawasan Kandi, Bachok sememangnya aktif menanam ubi keledek kerana lokasi itu mempunyai tanah beris yang sesuai untuk tanaman berkenaan.

Kata Anuar, tanah beris menjadikan ubi keledek varieti Lembayung dan

Bitato tumbuh subur serta menghasilkan tanaman yang bermutu tinggi.

Ini kerana tempoh matang ubi itu adalah lebih cepat iaitu antara 91 hingga 105 hari sahaja.

"Tanah beris bagaimanapun cenderung lemah dalam mengekalkan nutrien baja dan air.

"Untuk mengatasi masalah itu, baja organik digunakan sebagai baja asas kerana ia lebih murah dan efektif dalam memperbaiki struktur tanah," katanya.

Anuar berkata, dalam proses penanaman ubi keledek, penggunaan baja adalah penting untuk meningkatkan hasil dan



UBI keledek jenis Lembayung dan Bitato.

**Kedua-dua ubi keledek ini paling banyak ditanam di pantai timur kerana ia mendapat permintaan yang tinggi dan mudah dijual**

**ANUAR**